

Unjuran pertumbuhan 2015 boleh dicapai



ini, manakala kadar pertumbuhan ringgit akan mengalami penurunan bagi mencerminkan asas kukuh Malaysia.

"Kami di RAM berasa sasaran pertumbuhan ekonomi akan menghampiri 5.0 peratus," kata Govindan.

Perubahan ekonomi global

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata penyelidikan yang dibuat kerajaan semalam lebih ke arah semakan nyata berikutan perubahan ekonomi global.

"Kita bukan dalam krisis. Ia hanya mengenai penyelarasan dan semakan nyata," katanya.

Sebelum itu, Govindan dan Azlan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meningkatkan kerjasama di antara RAM dan UKM bagi membangunkan daya saing teras graduan dalam pasaran modal.

MoU itu, kerjasama pertama RAM dengan institusi pendidikan akan merangkumi program latihan mengenai pasaran modal, penerbitan mengenai kewangan Islam dan aktiviti lain yang berkaitan.

Program itu akan membantu memenuhi peningkatan permintaan untuk graduan mahir bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Malaysia. **BERNAMA**

Govindan (dua dari kiri) dan Noor Azlan pada majlis menandatangani MoU antara RAM dan UKM di Bangi.
(FOTO YAZIT RAZALI/BH)

Malaysia mampu mencapai unjuran pertumbuhan kerajaan antara 4.5 hingga 5.5 peratus tahun ini kerana asas ekonominya kukuh, kata RAM Holdings Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Dr K Govindan, berkata jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam yang Malaysia tidak mengalami krisis dan langkah diumumkan akan melindungi negara daripada ketidaktentuan luaran.

"Rancangan Malaysia Ke-11 akan diumumkan pada Mei. Ini akan memberi peluang kerajaan untuk memberi tumpuan kepada isu struktur," katanya pada taklimat media di Bangi, semalam.

dan cita-cita defisit Malaysia kekal di landasan yang betul sebagai tindak balas kepada perubahan landskap ekonomi global.

Dalam perutusan khas itu, Najib berkata, kerajaan tetap yakin Keluaran Dalam Negara Kasar akan tumbuh antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada 2015.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, akaun semasa akan kekal dalam lebihan tahun